

REKABENTUK BUKU KANAK-KANAK  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA : 1958 - 1978

OLEH  
MOHAMAD HANIF B. HJ. MD. NOOR

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
1996/1997

## **Penghargaan**

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Penyelia 1 Latihan Ilmiah, Prof. Madya Dr. Zakaria Ali, yang bersedia membimbing hingga jaya. Beliau telah memberi berbagai nasihat yang amat berharga untuk latihan ilmiah ini dan menjadi pedoman pada masa yang akan datang.

Terima kasih juga diberikan kepada Penyelia 2, En. Zainol Abidin Ahmad Sharif atas khidmat nasihat untuk menjayakan penulisan ini. Selain daripada itu, penghargaan ini ditujukan kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Bahagian Penerbitan Umum, Pusat Dokumentasi Melayu dan Bahagian Fotografi DBP telah bekerjasama dalam melicinkan lagi usaha penyelidikan ini.

Pensyarah-pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan seperti Dr. Kim Phaik Lah, Prof. Madya Dr. Mohd Daud Hamzah dan Pn. Anna Christina Abdullah yang telah menyumbang maklumat dan buah fikiran yang amat berguna kepada penyelidikan saya ini.

Akhirnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Pusat Seni Universiti Sains Malaysia, Sekolah Kebangsaan Sungai Gelugor, Pulau Pinang dan Tadika Pusat Islam Universiti Sains Malaysia yang memberi kemudahan dan peluang kepada saya menjayakan penyelidikan ini.

Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi dan khidmat nasihat yang telah diberikan oleh anda semua.



Mohamad Hanif Hj. Md. Noor  
Universiti Sains Malaysia  
Januari 1997.

Isi Kandungan	Halaman
Prakata	i - ii
Pendahuluan	iii - iv
Bab 1 Grid Buku	1 - 15
1.1 Pengenalan	
1.2 Kulit Buku	
1.3 Teks	
1.4 Ilustrasi	
1.5 Rumusan	
Bab 2 Saiz Buku	16 - 22
2.1 Pengenalan	
2.2 Pemilihan Saiz	
2.3 Saiz Buku	
2.4 Ketebalan Buku	
2.5 Rumusan	
Bab 3 Rekaletak Bahan Teks	23 - 69
3.1 Pengenalan	
3.2 Muka Taip	
3.3 Lajur	
3.4 Justifikasi Lajur	
3.5 Kejelasan	
3.6 Keterbacaan	
3.7 Rumusan	
Bab 4 Ilustrasi	70 - 112
4.1 Pengenalan	
4.2 Fungsi	

4.3 Kulit Buku	
4.4 Rekaletak	
4.5 Lukisan	
4.6 Warna	
4.7 Rumusan	
Bab 5 Keperluan Rekabentuk Buku	113 - 123
5.1 Pengenalan	
5.2 Dorongan Pembelajaran	
5.3 Masalah Kanak-Kanak	
5.4 Kesediaan Membaca	
5.5 Pengamatan Kanak-Kanak	
5.6 Rumusan	
Bab 6 Kesimpulan dan Cadangan	124 - 134
Bibliografi	135 - 137
Lampiran	138 - 151
Lampiran 1 : Kajian Lapangan	
Lampiran 2 : Buku Dewan Bahasa dan Pustaka	
Lampiran 3 : Buku Terbitan Luar	

## **Prakata**

Latihan ilmiah ini didorong oleh satu penelitian yang telah saya buat terhadap rekabentuk buku ulangkaji Siri Peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Buku ini telah diterbitkan oleh Mahir Publications Sendirian Berhad pada tahun 1994. Satu lagi sebab yang mendorong saya terus berminat mengkaji rekabentuk bahan bercetak ialah kedaifan kertas soalan UPSR tahun 1994 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Melalui Kajian ringkas terhadap kedua-dua bahan bercetak itu, satu rumusan telah dibuat. Bahan-bahan bercetak tersebut tidak dapat membantu murid-murid Tahun 6 di sekolah rendah dalam menjawab soalan-soalan peperiksaan dengan selesa. Ini adalah disebabkan oleh rekaletak yang lemah.

Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun adalah golongan pembaca awal. Mereka harus dibantu dengan menyediakan bahan-bahan bacaan yang bermutu. Saya percaya dengan usaha murni ini, kanak-kanak akan lebih berminat, rajin dan cemerlang dalam pelajaran.

Latihan ilmiah ini pula saya tumpukan kepada buku-buku bacaan berilustrasi yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan

Pustaka, Kuala Lumpur. Buku-buku berilustrasi ini adalah bacaan kanak-kanak dalam lingkungan usia enam hingga 12 tahun. Saya membataskan had masa iaitu dari tahun 1958 hingga 1978.

Saya telah memilih sejumlah 37 buah buku untuk tujuan kajian ini. Pemilihan buku ini dibuat berdasarkan tahun penerbitan, aspek rekaletak atau rekabentuk dan bentuk ilustrasi. Kajian ini bermula dengan buku yang berjudul *Cerita Anak Raja Dengan Anak Papa* (1958) oleh ZA'BA.

Tujuan latihan ini ialah untuk memahirkan diri dalam penulisan yang berbentuk ilmiah. Di samping itu, ia boleh membantu saya memperkukuhkan pengetahuan yang sedia ada. Diharapkan latihan ilmiah ini menjadi pedoman kepada diri saya sendiri dan juga orang lain dalam menyedia atau memilih buku bacaan kanak-kanak yang sesuai dan bermutu.

## **Pendahuluan**

Penulisan ini hanya meliputi bahan bacaan kanak-kanak yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Badan berkanun kerajaan ini aktif memperjuangkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Dalam mengisi perjuangan ini, DBP telah menerbitkan banyak buku bacaan umum termasuk buku kanak-kanak.

Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai matlamat untuk mendaulatkan Bahasa Melayu. Matlamat ini jelas di dalam Ordinan DBP 1959 (pindaan 1972) antara lain menyatakan,

- i. Memaju dan memperkaya bahasa kebangsaan.
- ii. Memaju bakat kesusasteraan terutama dalam bahasa kebangsaan.
- iii. Mencetak atau menerbitkan atau membantu usaha percetakan atau penerbitan buku-buku risalah dan lain-lain bentuk persuratan dalam bahasa kebangsaan dan bahasa-bahasa lain.
- iv. Menyamakan ejaan dan bunyi sebutan dan menggubal istilah-istilah yang sesuai dalam bahasa kebangsaan.

Tujuan dan matlamat penerbitan buku bacaan kanak-kanak ialah untuk menyemai atau memupuk minat membaca di kalangan mereka. Pada waktu yang sama ia dapat mengasah bakat dan pemikiran mereka. Seterusnya boleh membentuk perwatakan dan peribadi yang positif serta bertatertib di kalangan mereka.

Kajian saya ini ialah melihat sejauh mana pengamalan disiplin rekabentuk buku yang telah dilaksanakan oleh DBP sejak operasinya bermula.

Penulisan kajian ini terbahagi kepada tiga tahap, iaitu, kajian terus daripada buku-buku DBP. Kajian ini meliputi empat bab, yakni, berkenaan dengangrid, saiz, teks dan ilustrasi. Tahap yang kedua ialah menyokong hujah-hujah saya dalam bab 1, 2, 3 dan 4. Ia dimuatkan didalam bab 5. Tahap terakhir ialah memberi kesimpulan dan cadangan di dalam bab 6.

## Bab 1 : Grid Buku Kanak-Kanak

---

### 1.1 Pengenalan

Grid, menurut Kamus Dewan, ialah permukaan yang direntangi silangan garis mendatar dan mengufuk yang sekata. Dari segi rekabentuk, grid bermaksud panduan untuk mewujudkan keseimbangan, keseragaman dan ketepatan rekaletak.<sup>1</sup> Dalam lain perkataan, grid bermaksud suatu tunjuk pandu untuk merekaletak elemen-elemen buku seperti kulit, bahan awalan, teks, ilustrasi dan bahan akhiran supaya nampak seragam dan berterusan. Seorang penulis Barat, John Laing berpendapat bahawa grid untuk buku kanak-kanak haruslah mudah supaya bacaan mereka tidak terganggu.<sup>2</sup>

Elemen-elemen buku yang menjadi bahan kajian ini ialah seperti kulit buku, bahan teks dan ilustrasi kerana elemen-elemen ini sangat penting untuk bahan bacaan kanak-kanak. Bahan awalan dan bahan akhiran tidak termasuk di dalam kajian ini. Bahan awalan seperti judul kecil, judul penuh, kandungan, hak cipta dan prakata dipercayai tidak memberi apa-apa kesan

---

<sup>1</sup>*Gaya Dewan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), ms. 174.


<sup>2</sup>John Laing, *Graphic Design*, (London : Swallow Pub. Limited, 1984), ms. 94.

yang mendalam kepada kanak-kanak. Bahan akhiran seperti biodata penulis, senarai istilah, glosari dan indeks memang tidak dimuatkan di dalam bahagian ini.


Dalam kajian ini sukatan lebar, tinggi dan tebal disukat mengikut sistem metrik. Sistem ini sememangnya digunakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk merekabentuk buku.

## 1.2 Kulit Buku

Kulit buku terdiri daripada dua jenis, iaitu, kulit lembut dan keras. Kulit lembut boleh dibuat dalam bentuk bersayap atau tanpa sayap. Manakala buku kulit keras pula boleh berjaket (berbalut) atau tanpa jaket.<sup>3</sup> Sila lihat rajah-rajah di bawah.




Kulit lembut tanpa sayap.




Kulit lembut bersayap.

---

<sup>3</sup>*Gaya Dewan*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), ms. 7.



Kulit keras tanpa jaket.



Kulit keras berjaket.

Buku cerita kanak-kanak berilustrasi terbitan DBP di antara tahun-tahun 1958 hingga 1978 adalah berkulit lembut. Namun demikian perbezaan yang wujud ialah penggunaan kertas yang berlainan ketebalannya. Biasanya DBP menggunakan dua jenis kertas tebal, iaitu, 'art card' 230 gsm dan 'art card' 310 gsm untuk kulit buku kanak-kanak.

Kulit depan sesebuah buku mengandungi maklumat asas untuk panduan pembaca. Maklumat itu ialah judul, nama penulis, logo penerbit dan ilustrasi. Kesemua maklumat ini telah disusun mengikut grid yang telah ditetapkan oleh DBP sendiri. Namun ia tidak terikat pada rekaletak bahan teks dan ilustrasi dalaman.

Sesetengah buku cerita kanak-kanak DBP ini mempunyai kulit belakang yang berilustrasi. Ilustrasi kulit depan dan belakang kadang kala tidak sama.

Tajuk atau judul buku cerita biasanya dimuatkan di antara bahagian atas hingga ke bahagian tengah permukaan kulit buku. Ia disusun berdasarkan grid. Satu contoh grid kulit buku yang biasa digunakan oleh para penerbit ialah seperti dalam rajah di bawah.


1
2
3
4
5
6
7
8
9

Grid kulit buku.<sup>4</sup>


Dewan Bahasa dan Pustaka meletakkan tajuk-tajuk buku cerita kanak-kanak di antara bahagian 1/9 hingga bahagian 5/9. Contohnya buku yang bertajuk *Indera Manja*, tajuknya diletakkan di penjuru kiri sebelah atas iaitu di bahagian 1/9. Sebuah lagi buku yang bertajuk *Asal Harimau*, tajuknya diletakkan di antara bahagian 4/9 hingga 5/9. Sila lihat gambarfoto kulit-kulit buku yang berkenaan di bawah.

---

<sup>4</sup>Hermann Zapf, *Hermann Zapf and His Design Philosophy*, (Chicago : Society of Typographic Arts Chicago, 1987), ms. 30.



Gambarfoto kulit buku *Indera Manja* (1966).



Gambarfoto kulit buku *Asal Harimau* (1977).